

HUBUNGAN BIMBINGAN INSTRUKSIONAL DENGAN KUALITI PENGAJARAN DUTA GURU: SATU KAJIAN RINTIS

THE RELATIONSHIP BETWEEN INSTRUCTIONAL COACHING AND THE TEACHING QUALITY OF TEACHER AMBASSADORS: A PILOT STUDY

Abg Mohd Shukri Abg Muis ^{1*}
Anita Md Saman ²
Khalip Musa ³

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia
(E-mail: amsam88@gmail.com)

² Kementerian Pendidikan Malaysia
(E-mail: nnita7776@gmail.com)

³ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia (E-mail: khalip@fpe.upsi.edu.my)

*Corresponding author: amsam88@gmail.com

Article history

Received date : 16-5-2026
Revised date : 17-5-2026
Accepted date : 2-6-2026
Published date : 11-6-2026

To cite this document:

Abg Muis, A. M. S., Md Saman, A., & Musa, K. (2026). Hubungan bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran duta guru: Satu kajian rintis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 237 – 250.

Abstrak: *Kajian rintis ini dijalankan untuk meneliti hubungan antara bimbingan instruksional oleh pegawai School Improvement Specialist Coaches (SISC+) dengan kualiti pengajaran guru duta guru. Reka bentuk kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan analisis korelasi Pearson. Seramai 200 orang responden terlibat dalam kajian ini. Dapatan analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran ($r = .423$, $p < 0.01$). Kekuatan hubungan adalah pada tahap sederhana, menunjukkan bahawa semakin tinggi bimbingan instruksional diterima, semakin meningkat kualiti pengajaran guru. Walau bagaimanapun, hubungan sederhana ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor lain seperti kesediaan guru, komitmen profesional, program pembangunan profesionalisme berimpak tinggi serta sokongan daripada pihak pentadbir sekolah. Perbincangan dapatan menunjukkan penemuan ini selari dengan beberapa kajian lepas yang membuktikan wujudnya hubungan signifikan antara bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran, walaupun tahap kekuatan hubungan berbeza-beza. Kajian luar negara turut menegaskan peranan penting pembimbing instruksional dalam meningkatkan kualiti pengajaran, namun terdapat juga dapatan yang bercanggah dengan menunjukkan hubungan negatif atau tiada perbezaan ketara. Justeru, kajian ini mencadangkan agar kajian sebenar mempertimbangkan pemboleh ubah lain seperti motivasi guru, komitmen profesional, kesejahteraan kerja, serta sokongan komuniti sekolah dalam kerangka konseptual bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh terhadap faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran guru.*

Kata Kunci: *Instructional Coaching, Teaching Quality, School Improvement Specialist Coaches (SISC+), Duta Guru.*

Abstract: *This pilot study was conducted to examine the relationship between instructional coaching by School Improvement Specialist Coaches (SISC+) and the teaching quality of Duta Guru. The research employed a quantitative design using Pearson correlation analysis. A total of 200 respondents participated in this study. The findings revealed a significant positive relationship between instructional coaching and teaching quality ($r = .423, p < 0.01$). The strength of the relationship was at a moderate level, indicating that the higher the instructional coaching received, the greater the improvement in teachers' teaching quality. However, this moderate correlation may have been influenced by other factors such as teachers' readiness, professional commitment, participation in high-impact professional development programs, as well as support from school administrators. The discussion of the findings indicates that this result is consistent with several previous studies that reported a significant relationship between instructional coaching and teaching quality, although with varying levels of strength. International studies have also highlighted the crucial role of instructional coaches in enhancing teaching quality, yet some findings contradicted this by showing negative or non-significant relationships. Therefore, this study suggests that future research should consider additional variables such as teacher motivation, professional commitment, job well-being, and community support in the conceptual framework to provide a more comprehensive understanding of the factors influencing teaching quality.*

Keywords: *Instructional Coaching, Teaching Quality, School Improvement Specialist Coaches (SISC+), Duta Guru.*

Latar Belakang Kajian

Tidak dapat dinafikan bahawa guru digalakkan untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi daripada pelbagai latihan yang diberikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, tanpa galakan dan sokongan yang betul, semua pengetahuan dan teori yang diperolehi tidak boleh diterjemahkan untuk memenuhi keperluan murid mahupun meningkatkan pembelajaran (Daniels, 2020). Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, sekumpulan pembimbing instruksional diwujudkan untuk memberi sokongan kepada guru (Sarada, 2023). Peranan utama pembimbing instruksional adalah untuk bekerja secara langsung dengan guru bagi membantu dan memberi sokongan untuk melaksanakan amalan terbaik seterusnya meningkatkan amalan pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah (Knight, 2019). Di Malaysia, sokongan kepada guru diperhebat melalui peluasan peranan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches - SISC+*) atau pembimbing guru.

Pegawai SISC+ yang dilantik dalam kalangan Guru Cemerlang memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan kualiti pengajaran guru (Mastura, 2020). Mereka mengikuti latihan intensif untuk membantu melaksanakan tugas bimbingan kepada guru-guru terpilih. Melalui bimbingan ini, pegawai SISC+ menggunakan pelbagai sumber untuk membimbing guru dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang menarik dan membantu mengembangkan potensi masing-masing, terutama dalam amalan pengajaran (Zubaidah, Hamidah, & Wahiza, 2022). Di samping itu, pelaksanaan bimbingan instruksional ini adalah bagi memastikan guru sentiasa berada pada garisan haluan yang betul untuk menterjemahkan satu sesi Pembelajaran

dan Pemudahcaraan (PdPc) yang lebih menarik, efektif, kreatif dan inovatif. Bertepatan dengan perkembangan semasa iaitu mengamalkan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).

Bagi menyahuti pelbagai cabaran PAK21, kualiti pengajaran guru *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) perlu diberikan tumpuan secara serius. Menyedari hakikat itu, bermula tahun 2020, Program Duta Guru (PDG) telah ditubuhkan hasil kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Yayasan PETRONAS melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). Ia merupakan sebuah program yang akan mengukuhkan kualiti pengajaran guru STEM yang sedang berkhidmat di Sekolah Menengah (SM) di Malaysia. Seiring dengan perubahan negara menuju ke arah Revolusi Perindustrian Kelima (IR 5.0), program ini juga bertujuan menjadikan bidang STEM sebagai asas sebuah negara yang berdaya saing menerusi penerapan teknik PAK21 dalam pendidikan STEM.

Ekoran daripada itu, tujuan utama PDG dilaksanakan sebagai salah satu intervensi bagi menangani cabaran dalam PdPc STEM di sekolah yang sering dikaitkan dengan kurangnya pendekatan berimpak tinggi yang mampu merangsang pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid (Nur Fatahiyah & Siti Nur Diyana, 2020), serta ketiadaan sokongan profesional yang berterusan kepada guru (Mohd Zaidi et al., 2021). Maka, PDG menyediakan guru dengan latihan berstruktur, bimbingan profesional dan sokongan berterusan dalam membina kepakaran pedagogi yang efektif dan berimpak tinggi melalui inisiatif bimbingan Duta guru dipilih dan dilatih untuk menerajui amalan terbaik dalam PdPc serta membimbing rakan sekerja dalam menyebarkan inovasi pengajaran yang berasaskan KBAT dan PAK21. Seiring dengan tuntutan kurikulum semasa, KBAT menjadi elemen penting dalam memastikan murid mampu mengaplikasikan ilmu dalam konteks dunia sebenar, berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah dengan kreatif.

Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti hubungan bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+ dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru yang dibimbing di bawah PDG. Kajian ini sangat relevan kerana ia selaras dengan usaha transformasi pendidikan dan penyesuaian kepada perubahan globalisasi pendidikan yang bertujuan melahirkan guru yang berkualiti, seperti yang dihasratkan oleh KPM. Dengan bimbingan yang diberikan oleh pegawai SISC+, diharapkan guru-guru dapat mengembangkan kemahiran pedagogi yang lebih baik dan berkesan, sejajar dengan matlamat pendidikan pada abad ke-21 dan cabaran globalisasi. Ini menjadikan kajian ini penting dalam memahami bagaimana bimbingan instruksional boleh memberi impak positif kepada kualiti pengajaran guru serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan negara.

Justeru, objektif kajian adalah seperti berikut; 1. Menerangkan hubungan antara bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran duta guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+.

Sorotan Literatur

Konsep Bimbingan Instruksional

Bimbingan instruksional adalah suatu strategi untuk memberi sokongan dan membantu memudahcaraan PdP guru dalam bilik darjah (Burroughs, 2022). Bimbingan instruksional juga merupakan situasi di mana guru dapat berkongsi pengalaman pengajaran dan pengetahuan pedagogi di dalam bilik darjah tanpa sebarang tekanan, dengan tujuan untuk meningkatkan pembelajaran murid (Tella, 2017). Tambahan pula, bimbingan instruksional memberi


penekanan kepada membina hubungan dan perkongsian antara guru dan pembimbing (Fierle, 2020) dan ianya amat penting supaya program bimbingan instruksional berkesan (Knight, 2018). Bukan itu sahaja, bimbingan instruksional sebenarnya sebagai pembangunan profesional yang berdiri sendiri sebagai satu cara menyokong guru melaksanakan amalan baharu (Englett, 2024) bagi meningkatkan keberkesanan amalan pengajaran dalam bilik darjah (Salazar, 2023) serta dapat meningkatkan pembelajaran dan pemahaman murid (Darling-Hammond, 2021).

Model Bimbingan Instruksional

Model The Impact Cycle

Model *The Impact Cycle* (Model Kitaran Bimbingan Instruksional) yang diperkenalkan oleh Jim Knight (2018) adalah pendekatan sistematik untuk meningkatkan keberkesanan PdP melalui bimbingan profesional. Model ini berdasarkan lebih 20 tahun penyelidikan oleh Knight, telah membuktikan keberkesanan bimbingan instruksional dalam memperkasa guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran (Knight, 2019). Tiga fasa utama model *The Impact Cycle* adalah seperti;

- a) Fasa Pertama *Identify* (Kenal pasti). Dalam fasa ini, guru dan pembimbing bekerjasama untuk mengenal pasti matlamat atau aspek pengajaran yang memerlukan penambahbaikan. Fokusnya adalah kepada pencapaian murid dan keperluan PdP;
- b) Fasa Kedua ialah *Learn* (Belajar). Dalam fasa ini guru mempelajari strategi atau pendekatan yang dapat membantu mereka mencapai matlamat yang dikenal pasti. Ini melibatkan perbincangan, pemerhatian, atau latihan yang disesuaikan dengan keperluan guru; serta
- c) Fasa Ketiga ialah *Improve* (Meningkatkan). Guru mengaplikasikan strategi yang dipelajari, dengan sokongan pembimbing, untuk meningkatkan pengajaran. Penilaian berterusan dilakukan untuk memastikan keberkesanan perubahan dan pencapaian matlamat. Pendekatan ini adalah bersifat kolaboratif dan berpusatkan guru, bertujuan untuk memastikan transformasi yang signifikan dalam amalan PdP, sekaligus memberi impak positif terhadap pembelajaran murid.



Rajah 1: Model The Impact Cycle

Sumber: Diadaptasi dari Knight, 2018


Model Bimbingan Instruksional Knight

Model *The Impact Cycle* (Model Kitaran Bimbingan Instruksional). Di tengah-tengah model *The Impact Cycle*, model Bimbingan Instruksional berasaskan prinsip *Partnership* Knight (2011) digunakan oleh pegawai SISC+ semasa sesi bimbingan instruksional dengan guru. Tujuh prinsip *Partnership* untuk bimbingan adalah Kesaksamaan, Pilihan, Suara, Dialog, Refleksi, Amalan, dan Timbal Balik (Knight, 2007).

- i. Kesaksamaan. Dalam pendekatan *Partnership*, kesaksamaan adalah tunjang perhubungan (Knight, 2011). Sebaik-baiknya, pegawai SISC+ dan guru dalam perhubungan adalah bekerja bersama-sama memupuk penambahbaikan.
- ii. Pilihan. Jika kesaksamaan adalah penting kepada pendekatan *Partnership*, pegawai SISC+ mesti memahaminya dengan menyediakan pilihan secara professional. Ia adalah penting untuk membina hubungan yang sihat (Knight, 2011). Guru harus mempunyai pilihan mengenai apa dan bagaimana mereka hendak belajar. Apabila pilihan tidak tersedia dalam hubungan profesional, keadaan ini menafikan kesaksamaan dan asas pendekatan perkongsian.
- iii. Suara. Jika guru yang dibimbing diberi pilihan, mereka menjadi peserta aktif yang mempunyai suara dalam membuat keputusan (Knight, 2011). Apabila mengambil pendekatan *Partnership*, pegawai SISC+ perlu mewujudkan peluang untuk guru menyatakan pandangan mereka. Ini bermakna bahawa faedah utama *Partnership* ialah setiap orang mendapat peluang untuk belajar daripada orang lain kerana orang lain berkongsi apa yang mereka tahu. Apabila guru diberi hak untuk bersuara, ini membuka dialog yang sihat yang boleh mendorong membuat keputusan dan memupuk penambahbaikan.
- iv. Dialog. Berfikir bersama melalui dialog menunjukkan kuasa di sebalik pendekatan *Partnership*. Dialog yang sihat antara pegawai SISC+ dan guru memupuk peluang untuk individu untuk mendalami pengetahuan sambil meneroka idea bersama-sama.

- v. Refleksi. Refleksi adalah komponen penting dalam pendekatan perkongsian. Refleksi membolehkan perkembangan peribadi, membolehkan seseorang membuat keputusan sambil mengekalkan profesionalisme dan menghormati pemikiran dan kebimbangan orang lain.
- vi. Amalan. Amalan mengikuti refleksi dalam erti kata bahawa ia membolehkan seseorang untuk memohon pengetahuan kepada amalan kehidupan sebenar. Pendekatan *Partnership* memperuntukkan masa untuk guru membuat refleksi dan membentuk semula idea dan digunakan untuk amalan.
- vii. Timbal balik. Timbal balik sebagai pemangkin untuk orang lain belajar. Apabila seseorang iaitu pegawai SISC+ pergi ke dalam situasi guru dan bersedia untuk sama-sama belajar sebagai rakan pembelajar.

Knight (2011) telah menjalankan penyelidikan lebih daripada dua dekad untuk membangunkan model Bimbingan Instruksional berasaskan prinsip *Partnership* ini dengan rakan-rakannya. Beliau mencadangkan agar prinsip *Partnership* itu digunakan untuk menggalakkan kerjasama antara pembimbing instruksional dan guru. Knight (2011) mendapati bahawa pembimbing instruksional dan guru perlu bekerja sebagai rakan kongsi kerana perkara positif boleh berlaku. Model ini berfungsi sebagai panduan gerak kerja antara pembimbing instruksional dan guru untuk menyokong perkembangan minda guru, berinteraksi, serta membuat perubahan dalam amalan pengajaran mereka, seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Model Bimbingan Instruksional

Sumber: Diadaptasi dari Knight, 2011

Pemikiran *Partnership* membina hubungan kerjasama di antara pegawai SISC+ sebagai pembimbing instruksional dan guru untuk memupuk penambahbaikan amalan (Knight, 2011). Selain itu, model Bimbingan Instruksional ini menyerlahkan hubungan saling dipercayai antara pegawai SISC+ dan guru sebagai rakan pembelajaran bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pencapaian murid (Knight, 2007). Prinsip *Partnership* tidak menguasai, mengongkong mahupun menilai guru. Tetapi bimbingan instruksional memberi tumpuan kepada memenuhi keperluan guru. Bimbingan instruksional menyediakan guru dengan sokongan berterusan, maklum balas dan peluang pembelajaran profesional secara individu. Sokongan yang diberikan melalui bimbingan instruksional menawarkan peluang untuk guru untuk membuat perubahan dalam amalan mereka (Knight, 2007).

Konsep Kualiti Pengajaran


Kualiti pengajaran ialah pengajaran yang berkesan atau amalan pengajaran yang baik (Pozas, Letzel, & Schneider, 2020). Ianya harus melibatkan penyusunan seperti merancang, melaksana, mencipta persekitaran pembelajaran yang menarik, memotivasikan murid dan keseluruhan

keupayaan pengajaran (Tikrity, 2023) serta menilai pengajaran dalam sesuatu keadaan yang mana terdapat rintangan atau halangan yang perlu diatasi oleh guru (Normiati & Abdul Said, 2019).

Model Kualiti Pengajaran

Pengajaran guru yang berkualiti bukan sekadar dapat menghasilkan murid pintar, tetapi juga merujuk kepada keupayaan guru melahirkan modal insan yang dinamik di mana boleh disuntik nilai tambahnya, diinjak nilai intelegnya serta diperbanyakkan modal budayanya (KPM, 2023). Menyedari hakikat itu, model SGM 2.0 dipilih kerana ia dapat dilihat mampu membawa perubahan dalam pencapaian akademik murid yang pelbagai. Kepelbagaian budaya murid dari segi pencapaian akademik, tingkah laku dan pemikiran mereka ditentukan oleh kualiti pengajaran guru ketika sesi PdPc berlangsung (Anisah, Aida Hanim, & Salleh, 2023).

Model SGM 2.0 adalah relevan dengan kajian ini apabila ia dapat membangunkan modal insan yang berkemahiran, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan mampu menempuh cabaran arus dalam globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di samping dapat mempromosikan sistem pendidikan bertaraf dunia (Farhainis, Fuziah, & Ruzlan, 2021).




Rajah 3: Model Kualiti Pengajaran Guru Domain Instruksional SGM 2.0

Sumber: Diadaptasi dari SGM 2.0 KPM, 2023

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini dibentuk berdasarkan dua pemboleh ubah iaitu bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran. Pertamanya, pemboleh ubah bebas iaitu Bimbingan Instruksional merujuk kepada model Bimbingan Instruksional Knight (2011). Model Bimbingan Instruksional ini berasaskan pendekatan prinsip *Partnership* (Perkongasian) melibatkan tujuh dimensi iaitu Kesaksamaan, Pilihan, Suara, Dialog, Refleksi, Amalan dan Timbal Balik dalam membantu guru meningkatkan kualiti pengajaran (Daniels, 2020) dan membawa hasil yang mengagumkan dalam kalangan murid (Zubaidah et al., 2022). Keduanya, pemboleh ubah bersandar adalah kualiti pengajaran merujuk kepada model Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0). Bagi memastikan kualiti pengajaran duta guru bersesuaian dengan perubahan terkini pendidikan dalam abad ke-21 dan RI 4.0, maka SGM 2.0 telah dihasilkan pada 2020 (Faridah & Lee, 2022)

dan diterbitkan dalam cetakan pertama pada tahun 2023 (KPM, 2023). Model SGM 2.0 dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdP yang berkesan (Lau, Haryaneh, Chan, & Viliana, 2023) serta pembangunan profesionalisme secara berterusan (Farhainis et al., 2021).



Rajah 4: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan model SGM 2.0, terdapat empat domain iaitu domain orientasi ilmu, domain instruksional, domain pelibatan komuniti dan domain kualiti peribadi. Tetapi dalam kajian ini hanya tertumpu kepada domain instruksional. Domain instruksional merupakan kebolehan guru dalam Memfokuskan Perkembangan Potensi Murid, Merancang PdP, Melaksanakan PdP dan Pentaksiran Pembelajaran (KPM, 2023). Model SGM 2.0 yang telah dibina oleh KPM ini merupakan kerangka panduan kepada guru di sekolah untuk menilai dan memperbaiki kualiti PdP (Azarul, Mustafa, Najmiah & Mohd, 2023; Mardzelah, Teoh, & Nor Hasimah, 2022) dan impak kepada pencapaian murid di Malaysia (Faridah & Lee, 2022).

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data dari responden yang terdiri daripada duta guru sekolah menengah di Sabah dan Sarawak. Kajian ini sebenarnya ialah satu kajian rintis yakni tinjauan awal untuk satu kajian sebenar yang akan dilaksanakan kemudian. Justeru, data dikutip melalui borang soal selidik kerana ia lebih sistematik dan mudah untuk dianalisis, khususnya menjelaskan hubungan antara pembolehubah.

Populasi dan Pensampelan

Kajian rintis dilaksanakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam instrumen (Ghazali & Sufean, 2018). Melalui kajian rintis, kelemahan setiap item dapat dikenal pasti, membolehkan penambahbaikan dilakukan untuk meningkatkan kualiti soalan dan format (Creswell, 2018). Dalam kajian ini, seramai 200 orang duta guru kohort 1 sehingga kohort 4 dari Sabah dan Sarawak telah dipilih sebagai sampel kajian rintis. Asasnya, had minimum sampel untuk kajian rintis yang diperlukan adalah sekitar 30 orang sahaja (Ghazali & Sufean, 2018). Menurut Hair, Black, Babin dan Anderson (2014) penggunaan sampel melebihi 100 orang adalah lebih baik bagi diselarikan dengan exploratory factor analysis (EFA).

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Hasil analisis menunjukkan bahawa nilai *Cronbach Alpha* bagi keseluruhan item merekodkan bacaan yang sangat baik, iaitu 0.984. Kedua-dua pemboleh ubah juga mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang sangat baik, dengan Bimbingan Instruksional mencatatkan $\alpha=0.967$ dan Kualiti Pengajaran $\alpha=0.922$. Secara umumnya, nilai kebolehpercayaan yang sangat baik menunjukkan bahawa instrumen kajian yang digunakan adalah sesuai untuk diadaptasi dalam kajian sebenar (Cohen et al., 2018). Melalui kajian rintis, terbukti bahawa instrumen kajian ini sangat tekal, kerana semua dimensi menginvestasikan nilai *Cronbach Alpha* yang sangat baik. Justeru, rumusan kebolehpercayaan instrumen kajian ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Instrumen	Dimensi	Jumlah Item	Nilai α	
Bimbingan Instruksional	Kesaksamaan	5	.977	
	Pilihan	4	.972	
Kualiti Pengajaran	Suara	6	.971	
	Dialog	9	.970	
	Refleksi	6	.972	
	Amalan	6	.973	
	Timbal Balik	6	.970	
	Keseluruhan		42	.967
	Memfokuskan Perkembangan Potensi Murid	5	.942	
Kebolehpercayaan Keseluruhan	Merancang PdP	10	.947	
	Melaksanakan PdP	11	.945	
	Menguruskan Pentaksiran Pembelajaran	5	.953	
	Keseluruhan	31	.922	
Kebolehpercayaan Keseluruhan		73	.984	

Dapatan Kajian

Penyelidik telah menjalankan analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti dan menggambarkan hubungan linear antara dua pemboleh ubah utama dalam kajian ini, iaitu bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran dalam kalangan duta guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+. Menurut Fauzi, Jamal dan Mohd Saifoul (2020), tafsiran nilai pekali korelasi (r) adalah seperti berikut: nilai antara 0.01 hingga 0.19 menunjukkan korelasi yang sangat lemah, 0.20 hingga 0.39 menunjukkan korelasi lemah, 0.40 hingga 0.59 menunjukkan korelasi sederhana, 0.60 hingga 0.79 menunjukkan korelasi kuat, manakala 0.80 hingga 0.99 menggambarkan korelasi yang sangat kuat. Berdasarkan dapatan analisis kajian ini, didapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran ($r = 0.423$, $p < 0.01$). Ini bermakna apabila tahap bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+ meningkat, kualiti pengajaran Duta Guru turut menunjukkan peningkatan yang sepadan.

Kekuatan hubungan yang diperoleh iaitu $r = 0.423$ menunjukkan bahawa hubungan tersebut berada pada tahap sederhana, sekali gus menandakan bahawa bimbingan instruksional memberi kesan yang ketara tetapi tidak mutlak terhadap peningkatan kualiti pengajaran. Dapatan ini turut memberi gambaran bahawa faktor lain seperti pengalaman mengajar, motivasi, dan sokongan sekolah juga mungkin mempengaruhi tahap kualiti pengajaran secara keseluruhan. Jadual 2 memperincikan hasil analisis korelasi bagi kajian rintis ini yang melibatkan responden Duta

Guru dari negeri Sabah dan Sarawak, bagi menunjukkan secara lebih jelas corak hubungan antara bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+ dengan kualiti pengajaran mereka.

Jadual 2: Analisis Korelasi Antara Bimbingan Instruksional dan Kualiti Pengajaran

		Bimbingan Instruksional	Kualiti Pengajaran
Bimbingan Instruksional	Pearson Correlation	1	.423**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	200	200
Kualiti Pengajaran	Pearson Correlation	.423**	1
	Sig.(2-tailed)	<.001	
	N	200	200

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-ekor)

Perbincangan Dapatan Kajian

Hubungan di antara Bimbingan Instruksional dengan Kualiti Pengajaran Duta Guru yang Dibimbing Oleh Pegawai SISC+

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran duta guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+. Oleh kerana hubungan kedua-duanya adalah hubungan yang positif, hal ini bermakna semakin tinggi bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+, maka semakin tinggi kualiti pengajaran guru duta guru. Ini juga jelas menunjukkan bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+ secara 1:1 kepada duta guru merupakan aspek yang sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran duta guru. Hubungan bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran yang sederhana, bukan sahaja disebabkan faktor bimbingan pegawai SISC+, kemungkinan besar juga disebabkan faktor duta guru menerima pelbagai bentuk program pembangunan profesionalisme berimpak tinggi yang disediakan dalam PDG. Program pembangunan profesionalisme guru yang disediakan PDG juga sebenarnya melalui sokongan sepenuhnya oleh pegawai SISC+.

Dapatan kajian ini menyokong kajian Wan Fadhlurrahman (2022) mendapati bimbingan instruksional mempunyai hubungan yang positif dan didapati signifikan tetapi sederhana. Penemuan ini memberi gambaran bahawa walaupun bimbingan instruksional melalui pegawai SISC+ berupaya memperbaiki aspek-aspek tertentu dalam pengajaran, terdapat faktor lain yang juga mempengaruhi kualiti pengajaran guru. Beberapa faktor lain yang mungkin menyumbang kepada hubungan ini termasuklah kesediaan dan komitmen guru untuk menerima dan mengadaptasi teknik baharu dalam pengajaran mereka. Justeru, hubungan bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran perlu ditingkatkan lagi dengan bimbingan secara berterusan dari pihak pegawai SISC+, yang mana guru menerima umpan balik berterusan yang memotivasikan mereka untuk melakukan penambahbaikan dalam pengajaran. Hal ini penting dalam merangka program bimbingan instruksional di bawah bimbingan SISC+ secara lebih komprehensif dan membantu dalam mencapai matlamat peningkatan kualiti pengajaran di sekolah-sekolah.

Berikutnya, dapatan kajian ini turut menyokong dapatan kajian Salwati (2019); Mastura (2020); Asnia (2021); Selvarajoo et al. (2020); Sarabiah dan Zamri (2020) dan Syamsul Bahri et al. (2021) yang membuktikan bahawa bimbingan instruksional mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pengajaran guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+. Namun, bezanya kajian mereka mendapati darjah hubungan yang kuat antara bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+. Pegawai SISC+ telah berjaya mendorong guru yang dibimbing sehingga berubah dalam aspek peningkatan kualiti pengajaran (Mastura, 2020). Sementara itu, terdapat kajian yang membuktikan hubungan positif yang lemah antara bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+. Misalnya, kajian oleh Hareesol et al. (2019) membuktikan hubungan signifikan yang lemah bimbingan instruksional dengan kualiti pengajaran guru yang dibimbing oleh pegawai SISC+.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian luar negara seperti kajian oleh Shiveley (2022), Rafales dan Monteroso (2024) yang membuktikan bahawa bimbingan instruksional mempunyai hubungan signifikan positif dengan kualiti pengajaran. Malahan, pembimbing instruksional telah dilihat sebagai peranan utama dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru (Martin, 2024). Namun, dapatan ini tidak selari dengan kajian Cross (2024) dan Kappel (2023), mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam kualiti pengajaran guru, sama ada guru terlibat mahupun tidak terlibat dengan bimbingan instruksional. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Hamilton (2023) dan Polnitz (2020), didapati terdapat hubungan negatif sederhana antara bimbingan instruksional dan kualiti pengajaran guru. Penemuan ini menunjukkan bahawa apabila tahap bimbingan instruksional meningkat, kualiti pengajaran guru cenderung menurun. Dengan kata lain, bimbingan instruksional yang tinggi berkait dengan penurunan dalam kualiti pengajaran guru, yang menunjukkan bahawa bimbingan instruksional yang lebih intensif mungkin membawa kepada penurunan dalam kualiti pengajaran guru, kemungkinan disebabkan oleh faktor-faktor seperti tekanan kerja atau ketidaksesuaian pendekatan bimbingan instruksional tersebut. Justeru, untuk satu kajian sebenar disarankan pemboleh ubah lain seperti komitmen profesional guru, motivasi guru, kesejahteraan kerja guru, sokongan pentadbir sekolah serta sokongan komuniti sekolah juga wajar dimasukkan dalam kerangka konseptual kajian seterusnya. Ini berpotensi memberi gambaran yang lebih komprehensif terhadap faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran guru.

Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+ mempunyai hubungan signifikan dengan kualiti pengajaran duta guru. Justeru, peranan pegawai SISC+ tidak boleh diabaikan kerana bimbingan instruksional oleh pegawai SISC+ sebagai salah satu medium yang boleh meningkatkan kualiti pengajaran duta guru khususnya dalam membudayakan KBAT melalui aktiviti PAK21. Walaupun hubungan tersebut dianggap sederhana dalam kajian ini, hasil ini secara tidak langsung menekankan bahawa bimbingan yang diberikan oleh pegawai SISC+ adalah sangat relevan dalam meningkatkan kualiti pengajaran duta guru, mempersiapkan mereka sebagai pemimpin instruksional di sekolah. Kesimpulannya, dapatan kajian ini memberikan bukti empirikal baharu yang mengesahkan bahawa kehadiran pegawai SISC+ mempunyai impak positif dalam bidang pendidikan di negara ini. Ini menunjukkan pentingnya peranan pegawai SISC+ dalam menyokong dan membimbing guru untuk mencapai kualiti pengajaran yang lebih tinggi dan, seterusnya, meningkatkan prestasi pendidikan secara keseluruhan.

Rujukan

- Anisah Safiah Azmi, Aida Hanim A. Hamid, & Salleh Amat. (2023). Amalan kepimpinan responsif budaya pengetua dan kompetensi kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) di daerah Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(2), 1-3.
- Asnia Kadir Kadir, Gunasegaran Karuppattan, Mohammad Abdur Rahman, & Mokana Muthu Kumarasamy. (2021). The effects of coaching and mentoring on metacognition knowledge among Malay language teachers in Sabah, Malaysia. *American International Journal of Education and Linguistics Research*, 4(1), 18-30.
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar, & Mohd Allnurulhuda Ghazali. (2023). Meningkatkan pembangunan profesional dan kompetensi guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu analisis kritis. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 3(1), 63-71.
- Christina Andin, & Rosmiza Mohd Zainol. (2023). Pengajaran KBAT merentas kurikulum: cabaran guru dalam pelaksanaan. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11, 61-72.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). New York, USA: Routledge.
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- Cross, J. (2024). *Instructional coaching structures: perceptions on grade level and content-based coaching structures in k-5 schools*. (Doctoral dissertation). Tennessee: Trevecca Nazarene University.
- Daniels, V.E. (2020). *Analysis of the effects of content coaching and instructional coaching on teacher practices*. (Doctoral dissertation). Missouri: Lindenwood University.
- Darling-Hammond, L. (2021). Defining teaching quality around the world. *European Journal of Teacher Education*, 44(3), 295–308.
- Englett, M. J. (2024). *Instructional coaching in rural schools: A qualitative study of instructional coaching methods and the developmental needs of teachers*. (Doctoral dissertation). Stillwater, OK: Oklahoma State University.
- Farhainis Mohd. Yusof, Fuziah Shaffie, & Ruzlan Md Ali. (2021). Soft skills for teachers: accepting Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM) and ssb4k theory in future teaching practices. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)* 6(42): 40–52. doi:10.35631/IJEPC.642004
- Faridah Yakob, & Lee, L. H. (2022). Level of competency of graduates of the special science campus teacher. Education institute. *Journal Civic and Social Studies*, 6 (2), 84-98.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2020) *Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS*. Sintok: UUM Press.
- Fierle, D.E. (2020). *Instructional coaching for teacher growth: A Phenomenological study of instructional coaching as a capacity-building lever for strengthening teacher practice in Public Middle School*. (Doctoral dissertation). Pennsylvania: Point Park University.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hair, J. J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Essex: Pearson Education Limited.
- Hamilton, C. (2023). *An exploration of instructional coaches: identifying activities that impact teacher instruction and student achievement*. (Doctoral dissertation). Texas: Lamar University.
- Hareesol Khun-Inkeeree, Noorhazreen Sohri, Muhamad Suhaimi Muhammad, Mat Rahimi Yusof, Mohd Faiz Mohd Yaakob, M.S. Omar-Fauzee Dromarfauzee, Nurul Madera Ab

- Wahab, & Fatimah Noor Rashidah Mohd Sofian. (2019). Coaching of school improvement specialist coaches plus (SISC+) and teachers' teaching competency. *International Journal of Advance Research*, 7(12), 48-57.
- Kappell, M. L. (2023). *Impact of instructional coaching on middle school students' reading performance*. (Doctoral dissertation). Chicago: Concordia University.
- Knight, J. (2007). *Instructional coaching: A partnership approach to improving instruction*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Knight, J. (2011). *Unmistakable impact: A partnership approach for dramatically improving instruction*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Knight, J. (2018). *The impact cycle: What instructional coaches should do to foster powerful improvements in teaching*. CA USA Corwin: Thousand Oaks.
- Knight, J. (2019). Instructional coaching for implementing visible learning: A model for translating research into practice. *Education Sciences*, 9(101), 1-16.
- Lau, L. L., Haryaneh Rahisin, Chan, A. K., & Viliiana Kong, V. S. H. (2023). Persepsi guru bahasa melayu sekolah rendah terhadap SGM 2.0. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 109-118.
- Mardzelah Makhsin, Teoh, Y. P., & Nor Hasimah Ismail. (2022). Malaysian teacher standard 2.0 in becoming the soul of educators. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(46), 327-346.
- Martin, C. (2024). *Academic coaching: feedback efficacy and the impact on academic self-concept in college students*. (Doctoral Dissertation). United State: Oregon State University.
- Mastura Kamarudin. (2020). *Coaching and mentoring among SISC+: their roles and responsibilities, successes and challenges, and their influence towards the teaching and learning of the teachers*. (Tesis doktor falsafah) Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Zaidi Mohd Zeki, Noor Muslieah Mustafa Kamal, Riyan Hidayat, Nurul Hijja Mazlan, & Nurulaini Moshidi. (2021). Recommendations of educational experts on the teaching of islamic education teachers in integrating higher order thinking skills (HOTS) in secondary schools. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 18–34.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang. (2019). Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (2), 30-42
- Nur Fatahiyah Mohamed Hata, & Siti Nur Diyana Mahmud. (2020). Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan pendidikan STEM dari aspek pengetahuan, sikap dan pengalaman mengajar. *Akademika*, 90 (3), 85-101.
- Polnitz, M. L. (2020). *Effective instructional coaching: Secondary teacher perceptions of how coaching activities influence classroom practices*. (Doctoral dissertation). Virginia: Regent University
- Pozas, M., Letzel, V., & Schneider, C. (2020). Teachers and differentiated instruction: exploring differentiation practices to address student diversity. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 20(3), 217-230.
- Rafailes, M. S. A., & Monteroso, C. J. R. (2024). The mediating effect of coaching and mentoring competencies in the relationship between instructional skills and job performance of teachers. *International Journal of Innovative Research in Multidisciplinary Education*, 3(10), 1658 – 1667.
- Salazar, J. (2023). *Teacher and Administrator Perceptions of the Effectiveness of Instructional Coaching*. (Doctoral dissertation). Texas: Walden University.
- Salwati Shafee. (2019). *Coaching for instructional improvement in Selangor and Sabah*. (Tesis doktor falsafah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Sarabiah Jusoh, & Zamri Mahamod. (2020). Amalan dan keberkesanan bimbingan jurulatih SISC+ dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 31 (1), 45-67.
- Sarada, J. R. (2023). *Instructional coaching: the importance of clarity for all stakeholders*. (Doctoral dissertation). Pennsylvania: University of Pittsburgh.
- Selvarajoo Madhavan, Ramli Basri, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, & Soaib Asimiran. (2020). Quality of coaching teaching by SISC+ officers (School Improvement Specialist Coaches - SISC+) as predictors factor of teaching & learning qualities in primary national schools. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 68 – 78.
- Shiveley, K.R. (2022). *A mixed methods action research study on instructional coaches', principals', and teachers' perceptions of the roles, responsibilities, and barriers to effective instructional coaching*. (Doctoral dissertation). Missouri: Evangel University.
- Syamsul Bahri Andi Mapiare, Mohd. Zaki Ishak, Mazlan Mohd Yussof, & Syahrul Nizam Salam. (2021). Pengalaman pembelajaran guru terhadap bimbingan SISC+: manfaatnya kepada amalan pengajaran guru dan pencapaian pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 275 – 284.
- Tella, A. (2017). Teacher variables as predictors of academic achievement of primary school pupils mathematics. *International Electronic Journal of Elementary Education*, 1(1), 16-33.
- Tikrity, M. A. (2023). *Defining and Measuring Teaching Quality*. UK: Smart Teaching System.
- Wan Fadhlurrahman W. Md Rasidi. (2022). *Pembinaan dan penilaian modul hibrid executive coaching (MHEC) untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran coaching pemimpin pertengahan terhadap kemahiran pedagogi PAK21*. (Tesis doktor falsafah). Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Zubaidah Bibi Mobarak Ali, Hamidah Yamat, & Wahiza Wahi. (2022). Partnership Principles in a Teacher Coaching Programme. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 63-74. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2022-47.01SI-05>